

## BAB KETIGA

### PENGARUH TARGHIB DAN TARHIB TERHADAP JAMAAH TABLIGH DAN AL-ARQAM, TEORI MOTIVASI SERTA PENERIMAAN MANUSIA TERHADAP KONSEP TARGHIB DAN TARHIB.

#### 3.1: Pengaruh Targhib Dan Tarhib Terhadap Jamaah Tabligh Dan Al-Arqam.

Berdasarkan observasi dan penelitian, penulis mendapati pengaruh Targhib dan Tarhib amat menular terhadap kedua-dua jamaah ini. Pengaruh ini boleh dilihat dari pelbagai aspek seperti amalan, sikap, tindakan, budaya hidup harian dan pendekatan dakwah.

Walaubagaaimanapun, sebelum penulis memaparkan pengaruh Targhib dan Tarhib di dalam kedua-dua jamaah tersebut, penulis ingin memperkenalkan dahulu mengenainya secara ringkas.

### 3.1.1: *Jamaah Tabligh.*

Jamaah Tabligh dikenali juga sebagai Jamaah Tabligh India. Ini kerana ianya berasal dari India dan dibawa oleh orang-orang Islam di India.<sup>1</sup>

Kumpulan ini telah wujud sejak awal tahun 1950an dan semakin aktif dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an dalam arus kebangkitan semula Islam. Kumpulan ini adalah tidak formal, strukturnya longgar dan operasinya tidak berdasarkan organisasi. Kumpulan Tabligh terdapat di kota dan di desa, melibatkan generasi tua dan muda.<sup>2</sup>

Individu-individu daripada Jamaah Tabligh mengelilingi negara menyebarkan perutusan Islam bahkan ada yang keluar negeri terutamanya ke Indonesia dan juga India.<sup>3</sup>

Dari segi aliran perjalannya, kumpulan ini hanya menumpukan kepada amal ibadat khusus semata-mata tanpa mencampurbaur dengan lain-lain aktiviti.

---

<sup>1</sup> Abdullah Fahim . B.Hj.Abd Rahman,Kumpulan Jamaah Tabligh,Jurnal Masa,Pusat Penyelidikan Islam Malaysia,bil.4,Jabatan Perdana Menteri,Kuala Lumpur,1983,m.s. 11.

<sup>2</sup> Chandra Muzaffar,Dr.Kebangkitan Semula Islam Di Malaysia,terj.Adibah Amin, Fajar Bakti, Kuala Lumpur,1988,m.s. 53.

<sup>3</sup> Temubual dengan ahli Tabligh,Husin Bin Ali,pada 27/10/89.

Jamaah Tabligh dipercayai datang ke negara Malaysia pada tahun 1960an iaitu pada tahun 1968 dan semakin cepat berkenaan pada awal tahun 1973 di Pulau Pinang. Ia dibawa oleh orang India Muslim.<sup>4</sup>

Antara pusat kegiatan mereka di Malaysia ialah:

- a. Masjid Benggali dan Madrasah Manabul Ulum di Pulau Pinang.
- b. Masjid India Kuala Lumpur.
- c. Surau dan masjid di seluruh Malaysia<sup>5</sup>

#### Prinsip-prinsip Asasi Jamaah Tabligh

Menurut Maulana Ashiq Ilahi terdapat beberapa prinsip asasi Jamaah Tabligh. Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:<sup>6</sup>

##### 1. Mengucap Kalimah Taiyibah

Dengan pengucapan ini ia mengaku bahawa Allahlah yang memandu dan menolong semua manusia. Dengan

<sup>4</sup> Abdullah Fahim B.A.Rahman,op.cit.m.s. 11.

<sup>5</sup> Ibid., m.s. 12.

<sup>6</sup> Maulana Ashiq Ilahi, Six Lessons Of Islamic Tabligh, penterjemah A.Rahman Tariq, Empat Prinsip Tabligh, Lahore, 1976, m.s. 2.

demikian ia akan taat kepadaNya dengan meninggalkan segala larangan Allah yang sekaligus mengiktiraf Kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

## 2. Sembahyang<sup>7</sup>

Mestilah dilaksanakan dengan berjemaah dengan penuh khusyuk dan tawadhu.

## 3. Pengetahuan Dan Zikir<sup>8</sup>

Setiap muslim mestilah cuba untuk mencapai setinggi-tinggi ilmu pengetahuan dan zikir.

## 4. Ikhlas<sup>9</sup>

Istilah ini dipanggil juga dengan "membetulkan niat". Segala perbuatan hendaklah dilakukan kerana Allah.

## 5. Meluangkan Masa<sup>10</sup>

Seseorang muslim itu mestilah meluangkan masa sebanyak mungkin untuk menyebarkan suruhan Allah sekalipun terpaksa meninggalkan rumah tangga dan keluarga.

---

<sup>7</sup> Ibid,m.s. 5,6.

<sup>8</sup> Ibid,m.s. 7,8.

<sup>9</sup> Ibid,m.s. 10,11.

<sup>10</sup> Ibid,ms.s 13,14.

## 6. Meninggalkan Perbuatan Dan Percakapan Yang Sia-sia<sup>11</sup>

Dalam hal ini seseorang itu dituntut supaya menyuruh mengerjakan kebajikan dan meninggalkan kejahatan. Juga mengelakkan diri dari perkara yang sia-sia.

### 3.1.2: Jamaah Al-Arqam

Pergerakan ini dimulakan oleh Ustaz Ashaari Muhammad pada tahun 1968 bersama 10 orang rakannya yang lain.<sup>12</sup> Nama Arqam adalah sempena nama seorang sahabat Rasulullah s.a.w.<sup>13</sup> Darul' adalah berasal daripada bahasa Arab yang bererti 'negeri' atau 'tanah'.<sup>14</sup>

Pusat kegiatannya adalah di Sungai Penchala Kuala Lumpur. Kini cawangannya terdapat di beberapa tempat di Malaysia dan operasinya melalui struktur kepimpinan formal dan pola organisasi yang tetap.<sup>15</sup>

---

<sup>11</sup> Ibid. m.s. 16.

<sup>12</sup> Akhbar al-Arqam, Sept. 1985, m.s. 4 -6.

<sup>13</sup> Banna, al-Hassan, Usrah Dan Dakwah, Ikhwan Agensi, Kuala Lumpur, 1979, m.s. 4.

<sup>14</sup> Ar-Razi, Mukhtar Al-Shahab, Kaherah, 1937, m.s. 321.

<sup>15</sup> Chandra Muzaaffar, Dr. op.cit, m.s. 54.

Meskipun ia seperti organisasi berstruktur yang lain,tetapi Al-Arqam agak unik kerana ia merupakan suatu komuniti yang mempunyai tanah, rumah, masjid, klinik, kedai, kilang dan kebun-kebun sayur yang tersendiri.<sup>16</sup>

Pada mulanya Al-Arqam hanya menumpukan minat kepada pembinaan moral peribadi.Mereka yakin bahawa kesejahteraan bagi orang Islam adalah terletak kepada kewarakan individu.<sup>17</sup>

Walaubagaimanapun selepas itu Al-Arqam terus berkembang dengan urusniaga dan pelbagai kegiatan kebajikan sosial yang lain dan tidak hanya menumpukan kepada perkara-perkara fardhu ain sahaja.

Perjuangan Al-Arqam ialah Islam dan pokok penekanannya ialah soal aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.Semua ini dilaksanakan dalam kelas-kelas fardhu ain dan ceramah-ceramah umum.<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup> Temubual dengan En.Salleh Bin Man, ahli Al-Arqam, 24/10/89.

<sup>17</sup> Chandra Muzaffar, Dr,op.cit.

<sup>18</sup> Akhbar Al Arqam, Sept 1988, m.s.19.

Perkara yang menjadi kontroversi di kalangan orang ramai ialah mengenai amalan-amalan tarikatnya seperti Aurad Muhammadiah dan sebagainya. Ekoran dari beberapa ajaran yang disampaikan oleh Al-Arqam amat mengelirukan masyarakat Islam, contohnya dengan isu Imam Mahdi menyebabkan akhbar dan majalahnya diharamkan oleh kerajaan.

Terdapat beberapa prinsip asasi Al-Arqam. Antara prinsip-prinsip tersebut ialah:

1. Membina Individu Muslim.

Perkara ini amat penting supaya setiap muslim akan menjadi contoh kepada umat Islam lain dan juga orang-orang yang bukan Islam.

2. Memantapkan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ia dijalankan melalui kelas-kelas fardhu ain dan ceramah-ceramah umum.

3. Penekanan Terhadap Ibadah Dan Akhlak

Ibadat ini meliputi fardhu ain dan fardhu kifayah. Ibadah dan akhlak Islam mestilah dipraktikkan dan

bukan sekadar di lisan sahaja.

#### 4. Berdakwah Untuk Semua Manusia

Sebenarnya dakwah Al-Argam adalah terbuka kepada semua orang. Ianya meliputi ahli dan bukan ahli. Begitu juga masyarakat yang bukan Islam.

#### 5. Mewujudkan pelbagai aktiviti-aktiviti Islam.

Aktiviti-aktiviti ini merangkumi aktiviti ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya. Ia amat perlu sebagai alternatif kepada sistem yang ada.

#### 3.1.3: Pengaruh Targhib Dan Tarhib Terhadap Jamaah Tabligh

Pengaruh targhib dan tarhib di dalam jamaah Tabligh boleh dilihat dari pelbagai aspek seperti sikap, amalan, pendekatan dakwah dan budaya hidup sehari-hari ahli-ahli jamaah ini.

Pengaruh ini jelas terbukti apabila buku-buku yang menjadi sandaran, rujukan dan bacaan mereka kesemuanya

adalah berunsurkan targhib dan tarhib kepada manusia agar mereka terus beribadah kepada Allah s.w.t

Penulis mendapati jamaah ini mempunyai sembilan buah buku teks sebagai bacaan tetap kepada mereka ikutnya. Buku-buku tersebut adalah karangan ulamak-ulamak jamaah Tabligh di India dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.<sup>19</sup>

Buku-buku tersebut adalah seperti berikut:

1. Asli Fadhlilat Solat.
2. Asli Fadhlilat Zikir.
3. Asli Fadhlilat Tabligh
4. Asli Fadhlilat Quran.
5. Asli Fadhlilat Ramadhan.
6. Asli Fadhlilat salawat.
7. Doa dan Zikir Rasulullah s.a.w.
8. Kisah Para Sahabat.
9. Enam Prinsip Tabligh.

Kesemua buku yang telah dikemukakan oleh penulis di atas adalah mengandungi unsur-unsur peringatan dan

<sup>19</sup>Abdullah Fahim B.Hj.A.Rahman,op.cit.,m.s.27.

Sebagai contoh, kitab 'Asli Fadhilat Solat' mengandungi hadis-hadis yang menggambarkan ganjaran pahala yang besar kepada orang-orang yang solat tepat pada waktunya, bertahajjud dan bersolat jemaah. Serentak dengan itu disertakan juga balasan kepada orang-orang yang melengahkan solat atau meninggalkannya.<sup>20</sup>

Begitulah juga kitab-kitab Tabligh yang lain semuanya dipengaruhi oleh targhib dan tarhib.

Pengaruh targhib dan tarhib ini lebih menular dan tidak hanya dicatatkan di dalam buku-buku mereka sahaja tetapi juga akan disampaikan melalui majlis-majlis ta'lim dan bayan yang mereka anjurkan. Daripada observasi dan pemerhatian penulis, hampir 80% daripada kandungan ta'lim yang diberikan mengandungi unsur-unsur targhib dan tarhib. Manakala 20% alah isi bayan dan ta'lim yang berangkutan dengan masa.

---

<sup>20</sup> Mohd Zakariyya. Asli Fadhilat Solat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Pulau Pinang, m.s: 25.

Targhib dan tarhib ini tidak akan hanya terhenti di majlis ta'lim dan bayan semata-mata tetapi juga akan terus dipraktikkan ketika menemui orang-orang di jalan atau tuan-tuan rumah semasa mereka melakukan usaha ziarah yang dibuat pada sebelah petang dan malam.

Fenomena ini terus mempengaruhi ahli-ahli Tabligh khususnya dalam amalan harian mereka. Dengan itu kita dapati ada di kalangan ahli-ahli Tabligh yang beriktikaf di masjid sepanjang masa untuk berzikir dan solat sunat dan sebagainya. Ini semua adalah hasil daripada pengaruh targhib dan tarhib itu sendiri.

Kesimpulannya jamaah Tabligh adalah tidak terlepas dari pengaruh targhib dan tarhib. Bahkan banyak lagi pengaruh targhib dan tarhib yang tidak dipaparkan kerana ia bukanlah tajuk utama penelitian penulis. Huraian di atas hanyalah sebagai contoh dan bukti bahawa pengaruh targhib dan tarhib sememangnya benar-benar wujud dan menular di dalam jamaah Tabligh.

### 3.1.4: Pengaruh Targhib Dan Tarhib Terhadap Jamaah Al-Arqam

Sebagaimana jamaah Tabligh,pengaruh targhib dan tarhib juga wujud di dalam jamaah Al-Arqam.Pengaruh ini juga diketahui melalui amalan,sikap,pakaian,ajaran dan perjuangan mereka.

Pengaruh targhib dan tarhib ini dapat dilihat secara jelas hanya melihat kepada sifat luaran ahli-ahli Al-Arqam.Menurut satu sumber Tabligh:<sup>21</sup>

".....semua yang dibawa oleh Rasulullah diamal dan ditunjukkan amat perlu kita umat Islam mengikutinya secara total."

Dalam hal ini mereka berpegang kepada firman Allah s.w.t. di dalam Al Quran:<sup>22</sup>

وَمَا أَنْتُمْ بِرَسُولٍ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

<sup>21</sup> Temubual dengan Abd.Razak Ahmad,ahli Al-Arqam,25/10/89.

<sup>22</sup> Surah Al-Hasyr,ayat 7.

Ertinya:

"Dan apa juga perintah yang dibawa, bish Rasulullah keada kamu maka terimalah seerta amalkan; dan apa juga yang dilarangNya, kamu melakukannya, maka patuhilah laranganNya."

Bagi mereka ikutan terhadap Rasulullah termasuk juga dalam aspek makanan dan pakaian. Oleh itu kita dapat ahli-ahli Al-Arqam akan memakai jubah dan serban walau di mana sahaja mereka berada atau ke mana sahaja mereka pergi. Dan dalam masa yang sama mereka bersikap merendahkan orang lain yang tidak berpakaian seperti mereka sambil menyatakan bahawa orang-orang yang menyerupai sesuatu kaum sama ada dari segi pakaian, budaya dan sebagainya adalah tergolong daripada kaum tersebut.<sup>23</sup>

Sebenarnya ahli-ahli Al-Arqam memakai serban dan jubah di samping ingin mencontohi pakaian baginda Rasulullah s.a.w. tetapi serentak dengan itu juga mereka terpengaruh dengan buku "Serban Dan Jubah Pakaian Islam" karangan Ustaz Ashaari Muhamad yang mengandungi perangsang dan galakan supaya berjubah dan berserban.<sup>24</sup>

---

<sup>23</sup> Temubual dengan Hamzah Hanif, ahli Al-Arqam, 19/10/89.

<sup>24</sup> Ashaari Muhammad, Ustaz Serban Dan Jubah Pakaian Islam, Penerbitan Al-Arqam, Kuala Lumpur, 1983, m.s. 29.

Ahli-ahli Al-Arqam juga meyakini bahawa serban dan jubah itu adalah sunnah Rasulullah s.a.w. dan sesiapa yang memakainya akan memperolehi ganjaran 100 orang mati syahid di jalan Allah kerana ia telah menghidupkan sunnah Rasulullah s.a.w. di kala manusia telah meninggalkan dan melupakannya.<sup>25</sup>

Penulis memang bersetuju bahawa jubah dan serban adalah merupakan pakaian Rasulullah s.a.w. Walaubagaimanapun sepanjang penelitian penulis,tidak ada hadis sahih yang menyatakan bahawa pahala orang-orang memakai serban dan jubah adalah sama dengan pahala seratus orang mati syahid.Hadis yang menyebutkan tentang perkara ini tidak dapat diketahui kesahihannya bahkan lebih mirip kepada hadis dhaif.

Sebagaimana jamaah Tabligh Al-Arqam juga amat mementingkan soal-soal zikir kepada Allah.Bahkan bagi jamaah Al-Arqam zikir-zikir itu perlu ditambah lagi dengan pelbagai wirid seperti wirid Aurad Muhamadiah.<sup>26</sup> Semua ini dilakukan untuk menghampirkan diri kepada Allah s.w.t.

<sup>25</sup>Ceramah Umum Ustaz Yusuf B.Din,Sg.Penchala,7/10/89.

<sup>26</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam JPM Penjelasan Terhadap Aurad Muhamadiah Pegangan Al-Arqam.Kuala Lumpur.1986.m.s. 1 - 2.

Bagi jamaah Al-Arqam zikir atau mengingati Allah panjang masa ini adalah bertepatan dengan arahan Allah dalam firmanNya:<sup>27</sup>

فَادْكُنْ فَادْكُنْ وَاشْكُوا لِي وَلَا تَكْفُرُوْنَ .

Ertinya:

"Ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangku), supaya Aku membela kamu dengan kebaikan, dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatku)."

Di samping itu Allah juga menerangkan tentang sifat-sifat orang yang beriman dalam firmanNya:<sup>28</sup>

الذِّينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقَعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ

Ertinya:

"(Itu) orang-orang yang menutut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk, dan semasa mereka berbaring mengiringi....."

<sup>27</sup> Surah Al-Baqarah, ayat 152.

<sup>28</sup> Surah Al-Imran, ayat 191.

Kesimpulannya, jamaah Al-Arqam juga tidak sunyi daripada pengaruh targhib dan tarhib dalam amalan, ajaran, sikap dan perjuangan mereka. Penulis juga tidak berhasrat untuk mengulas tajuk ini dengan lebih mendalam kerana ia bukanlah pokok perbahasan utama dalam penelitian ini.

### 3.2: Targhib Dan Teori Motivasi Barat

Pengertian targhib dan contoh-contohnya telahpun disebutkan oleh penulis di dalam bab pertama dan kedua. Oleh itu di sini penulis hanya mengungkapkan definisi dan maksud motivasi yang wujud di dalam pentadbiran kini.

#### 3.2.1: Teori Motivasi

Teori motivasi telah diperkenalkan oleh seorang sarjana barat yang bernama Vroom.<sup>29</sup> Ia diwujudkan dalam organisasi adalah untuk memberikan semangat dan dorongan

---

<sup>29</sup> Flippo, B. Edwin, Personnel Management, Cet. Keenam, Mc Graw.Hill Book co. Singapore, 1984, m.s. 392.

serta perangsang kepada para pekerja atau kakitangan supaya terus meningkatkan produktiviti dan mencapai matlamat organisasi.

Ekoran dari itu, organisasi juga mestilah memenuhi kemahuan para pekerja supaya produktiviti berada di tahap yang maksima. Dari sini bolehlah kita katakan bahawa, motivasi adalah:

'.....a skill in aligning employee and organizational interest so that behaviour results in achievement of employee wants simultaneously with attainment of organizational objective...'<sup>30</sup> (ia adalah satu kebolehan untuk mengorganisasi minat dan mengatur pekerja supaya pencapaian pekerja serentak dengan objektif organisasi).

Mengorganisasi minat dan mengatur pekerja adalah dengan cara memberi semangat, dorongan dan memotivasi mereka.

Menurut Kamus Dewan, motivasi diertikan sebagai dorongan dan perangsang. dan rangsangan itu ialah sesuatu yang digunakan untuk menimbulkan perangsang atau memberikan galakan.<sup>31</sup>

<sup>30</sup> Flippo B. Edwin, Ibid, 390 - 391.

<sup>31</sup> Tengku Iskandar, Dr. Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, m.s. 930.

Dalam konteks organisasi,motivasi diberikan kepada kakitangan dengan memenuhi citarasa mereka,menjanjikan insentif yang tinggi,gaji yang lumayan dan pangkat yang besar setelah mencapai "Standard Performance" (pencapaian yang tinggi) dalam produktiviti.

Kesimpulannya teori motivasi diperkenalkan adalah untuk memotivasi para pekerja di dalam sesebuah organisasi.Motivasi juga adalah merupakan suatu kuasa yang boleh mendorong dan mempengaruhi manusia supaya melakukan sesuatu tindakan.

### *3.2.2: Perbandingan Antara Teori Motivasi Dengan Konsep Targhib*

Penulis mendapati terdapat beberapa ciri persamaan antara konsep targhib dan teori motivasi.Persamaan tersebut adalah dari segi konsep dan matlamat.

#### *1.Persamaan dari sudut matlamat*

Penulis menyatakan kedua-dua konsep ini sama dari segi matlamat kerana kedua-duanya diperkenalkan adalah untuk membangkitkan semangat,dorongan dan motivasi kepada

seseorang untuk beramal atau beribadah.

## 2. Persamaan dari sudut konsep

Targhib dan motivasi mempunyai persamaan dari sudut konsep kerana kedua-duanya menjanjikan ganjaran baik kepada para pekerja setelah melakukan sesuatu tugas dengan cemerlang.

Oleh itu seandainya dalam teori motivasi seseorang yang cemerlang dalam perkhidmatannya akan diberikan gaji yang lumayan dan pangkat yang besar,maka dalam konsep targhib seseorang yang beramal soleh akan diberikan ganjaran pahala dan syurga.

Walaubagaimanapun,konsep targhib di dalam Islam adalah lebih unik dan unggul daripada teori motivasi kerana ia bukan sahaja menjanjikan kebaikan yang bersifat maddi duniawi (material) semata-mata,tetapi juga mengandungi janji-janji yang bersifat maddi ukhrawi seperti syurga yang dipenuhi dengan pelbagai nikmat.

Ini berbeza dengan Teori Motivasi yang hanya menjanjikan ganjaran material semata-mata tanpa kaitan dengan ganjaran atau pembalasan di akhirat kelak.Targhib

juga lebih unggul kerana ia adalah ciptaan Allah s.w.t. dan bukan seperti Teori Motivasi yang dicipta oleh insan yang kerdil.

Teori Motivasi semakin ternyata kekurangannya kerana hanya memberikan perangsang supaya seseorang itu bekerja untuk meningkatkan produktiviti tanpa menghiraukan aspek-aspek akhlak di sepanjang melaksanakan tugas.

Dengan ini kita dapati terdapat para kakitangan yang melakukan rasuah, penyelewengan dan melakukan kezaliman terhadap insan lain. Ini berbeza dengan targhib di dalam Islam kerana targhib di samping menjanjikan ganjaran pahala dan memotivasi manusia ia mata mengambilberat persoalan akhlak dan etika kerja.

Oleh yang demikian adalah menjadi satu kesalahan di sisi Islam sekiranya seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang bercampur baur dengan maksiat dan dosa meskipun matlamatnya adalah kebaikan.

Setelah meneliti dan mengamati Teori Motivasi, maka penulis mendapati bahawa ia adalah peniruan dan pengaruh daripada targhib yang ada di dalam Al-Quran dan Hadis.

### 3.3: Hubungan Targhib Dan Tarhib Dengan Jiwa Manusia

Dalam membicarakan aspek ini, penulis akan membicarakan hubungan dan sejauh mana pengaruh targhib dan tarhib ini wujud dalam jiwa manusia.

Sebenarnya jiwa manusia mempunyai mempunyai dua unsur yang ada hubungan secara langsung dengan targhib dan tarhib. Pertama ialah naluri dan kedua ialah kecenderungan (tendency).

Naluri seperti takut, marah, ingin tahu dan sebagainya adalah merupakan gejala jiwa yang boleh diarahkan kepada motif yang baik sebagaimana yang dikehendaki oleh agama. Cara untuk mengarahkan naluri-naluri tersebut ialah dengan cara targhib dan tarhib. Naluri suatu yang kuat, luarbiasa dan lahir secara mendadak. Keadaan yang gelap gelita juga merupakan unsur yang menakutkan.<sup>32</sup>

Justeru itu Allah telah menurunkan ayat-ayat yang menceritakan keadaan di Hari Akhirat untuk menakutkan manusia agar mereka mengenal penciptanya dan seterusnya patuh dan tunduk kepada perintahNya.

---

<sup>32</sup> Edward Scols, Dr. Saikologi Takut, saringan Yusuf Zaki Yacob, Syarikat Dian, Kelantan, m.s.5.

Naluri manusia boleh membawa kepada keburukan yang menjahannamkan dan juga boleh membawa kepada kebaikan yang mendorong seseorang ke arah mempertahankan kebenaran dan kehormatan keluarga dan tanahair.<sup>33</sup> Jadi dari sini jelas bahawa dengan targhib dan tarhib semua naluri yang membawa keburukan akan dapat disingkirkan. Sebaliknya ia akan menyuburkan naluri yang boleh membawa kepada kebaikan dan manfaat. Lantaran itu Allah berfirman:<sup>34</sup>

فَاقْرِبْ وَجْهَكَ لِلَّدِيْنَ حَتَّىْ فَطَرَ اللَّهُ الَّذِيْ  
فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا يَتَبَيَّنُ لِنَفْقَ اللَّهِ ذَلِكَ  
الدِّيْنُ الْفَيْ وَلَكَ اكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Ertinya:

"(zetelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut Nabi Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan (turutlah terus) "agama Allah" iaitu agama yang Allah menciptakan manusia... (dengan keadaan bersedia dari semula jadi) untuk menerimanya, tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu" (itulah agama yang betul) turus, tetapi kebanyakannya manusia tidak mengetahui."

<sup>33</sup>yusuf Zaki Yacob, Ilmu Jiwa, Syarikat Dian Sdn.Bhd, Kota Bharu, Kelantan, 1967, m.s. 121 -122.

<sup>34</sup>Surah Al-Rum, ayat 30.

Ayat di atas jelas menggambarkan bahawa jiwa manusia itu suci dan cenderung kepada kebaikan tetapi yang menjadikannya kotor ialah persekitarannya termasuklah ibubapa, sanak saudara, sahabat handai, masyarakat sekeliling dan negara.

Satu lagi aspek jiwa ialah kecenderungan atau minat. Kecenderungan atau minat adalah penghalaan kegiatan seseorang ke arah bidang kehidupan yang tertentu. Contohnya seseorang yang mempunyai minat yang mendalam terhadap dunia seni atau kegiatan perikemanusiaan, maka ia dikatakan mempunyai kecenderungan dalam bidang perasaan. Begitulah seterusnya dalam bidang-bidang yang lain.<sup>35</sup>

Sebagaimana naluri manusia, kecenderungan juga boleh diarah mengikut kehendak yang dituju atau kepada matlamat yang jujur sejajar dengan tuntutan agama itu sendiri. Dalam usaha pengarahan ini, maka penonjolan unsur-unsur targhib dan tarhib adalah amat perlu.

---

<sup>35</sup> Yusuf Zaki Yacob, Ibid, m.s. 17.

Sebenarnya targhib dan tarhib yang ada di dalam Al-Quran dan Sunnah merupakan satu tuntutan jiwa yang memang sudah diketahui oleh Allah s.w.t. Ini kerana terdapat banyak istilah Al-Quran dan Sunnah yang menonjolkan unsur targhib dan tarhib dalam setiap aspek kehidupan manusia.

Ringkasnya perkara pokok dalam targhib dan tarhib ialah tekanan perasaan dalaman seseorang manusia dan ia mempunyai hubungan yang erat dengan jiwa manusia itu sendiri.

### 3.4: Sikap Negatif Manusia Terhadap Targhib Dan Tarhib

Sebagaimana yang telah dipaparkan oleh penulis dalam bab kedua yang lalu, bahawa targhib dan tarhib banyak disebutkan oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran dan dikembangkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadis-hadis baginda.

Walaubagaimanapun terdapat sebahagian daripada umat manusia yang tidak menghiraukan perangsang dan dorongan yang telah diberikan. Secara umum orang-orang yang tidak

mempedulikan targhib dan tarhib ini terbahagi kepada beberapa golongan seperti berikut:

1. Golongan Atheis iaitu orang-orang yang tidak mempercayai kewujudan Allah dan Hari Pembalasan.<sup>36</sup>

2. Golongan kafir dan musyrik iaitu golongan yang engkar dan menolak syariatNya serta menyekutuiNya.<sup>37</sup>

3. Golongan Munafik iaitu orang-orang yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufran.<sup>38</sup>

4. Golongan orang-orang yang lemah imannya kepada Allah dan Rasul.

Golongan manusia di atas,ekoran daripada tidak wujud atau kurangnya sensitiviti (kepekaan) terhadap targhib dan tarhib menyebabkan mereka senantiasa melakukan dosa dan maksiat,mengengkari hukum dan syariatNya.

Sikap dan aksi negatif seumpama ini sebenarnya telahpun wujud sejak dahulu lagi lagi iaitu semenjak zaman

---

<sup>36</sup>Fathi Yakan,Maza Ya'ni Intimaie Lil islam,cet.ke 12,Muassasah Al-Risalah,Beirut,1985,m.s. 84.

<sup>37</sup>Ibn Kathir,Tafsir Al-Quran Al-Azim,jil.1,Darul kutub Al-Ilimiah,Beirut,1986,m.s. 71.

<sup>38</sup>Ibid m.s. 74 - 75.

Nabi Allah Adam 'alaihissalam lagi hingga menyebabkan lahirnya insan seperti Qabil pada zaman itu.<sup>39</sup>

Kehidupan sehari-hari mereka sama ada dari segi pergaulan, percakapan, amalan, tindakan dan sebagainya menggambarkan seolah-olah mereka tidak mendengar peringatan dan pesanan Allah dan RasulNya. Allah berfirman:<sup>40</sup>

سُوءَ عَلَيْهِ الْذِرْسِنُمْ لَمْ تُذَرِّكْ لَدُوْهُونَ

Ertinya:

"Sama setiaji keadaan mereka sama ada engku beri peringatan atau tidak beri peringatan, mereka tetap tidak beriman."

Allah berfirman lagi:<sup>41</sup>

خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ دُمُرَّسٍ وَعَلَىٰ  
أَبْهَارِهِمْ غَشَاوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Ertinya:

"Dengan sebab keinginan mereka Allah menteraikan ke atas hati mereka, pendengaran mereka dan pada penglihatan mereka ada penutupan dan bagi mereka azab yang sangat besar."

<sup>39</sup> Ibn Kathir, Qisasul Ambiya, Darul Kalam, Beirut, 1985, m.s. 51.

<sup>40</sup> Surah Yaasin, ayat 10.

<sup>41</sup> Surah Al-Baqarah, ayat 7.

### 3.5: Faktor Kurangnya Kepekaan Manusia terhadap Targhib dan Tarhib.

Setelah kita mengetahui tentang sikap dan aksi negatif sebahagian dari umat manusia terhadap persoalan targhib dan tarhib, maka di sini penulis cuba untuk menganalisa dan membentangkan beberapa sebab atau faktor yang menyebabkan kurangnya sensitiviti manusia terhadap kedua-dua persoalan ini.

Bagi golongan Atheis, tidak wujudnya kepekaan mereka terhadap konsep targhib dan tarhib adalah disebabkan kedua-duanya adalah merupakan perkara ma'navi dan ghaib. Sebagai contohnya syurga dan neraka.

Tegasnya mereka hanya akan peka dan meyakini kepada perkara-perkara yang logik, dapat dilihat dan dibuktikan. Oleh itu perkara yang bersifat ma'navi dan ghaib akan ditolak mentah-mentah.

Bagi mereka Allah dan Hari Kiamat tidak ada. Bahkan alam ini tercipta dengan sendiri menurut hukum alam sebagaimana yang disebutkan oleh Lenin:

"...alam ini bukanlah dicipta oleh manusia tunan atau manusia bahkan tidak ada seorang pun selain Tuhan yang bisa menciptakan hidup yang abadi. Hidup ini akan menyala dan pergi menuju kecetakan yang tentu...." 42

Al-Qur'an menggambarkan mereka dalam firman Allah: 43

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حِيَاةُ الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنُحْيى وَمَا يَهْلُكُنَا إِلَّا الْدَّهْرُ .

Ertinya:

"Dan mereka berkata : 'tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini,kita mati dan kita hidup;dan tiadalah yang membina sakan kita melainkan azaran zaman.'" 44

Bagi orang-orang kafir dan musyrik pula adalah disebabkan oleh banyaknya kejahatan yang telah mereka lakukan.Justeru itu bukan sahaja hati mereka hitam legam diselubungi oleh dosa dan noda tetapi juga dipagari oleh pelbagai kebimbangan untuk menghadapi hari Kebangkitan.

Keadaan ini sama seperti keadaan orang-orang kafir Quraish menentang Rasulullah s.a.w. di Mekah dahulu. 44 Keadaan ini juga dipengaruhi oleh nenek moyang

42 Pathi Yakan,op.cit.m.s.84.

43 Surah Al-Jaathiah,ayat 24.

44 Sibai'e,al.Mustafa,Dr.Al-Sirah Al-Nabawiyah Durus Wa I'bar,terj. Nabhan Hussin, Dewan Fustaka Fajar, Selangor, 1985,m.s. 45.

mereka dahulu yang mengkufuri targhib dan tarhib. Lantaran itu generasi yang dilahirkan akan terus mewarisi agama dan ajaran yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka.

Manakala bagi orang munafik pula, permusuhan dan kebencian mereka yang mendalam terhadap agama Allah menyebabkan mereka sekaligus menolak keimanan terhadap targhib dan tarhib.

Di samping itu faktor kepentingan diri sendiri dan ingin mendapatkan kekayaan, pangkat, nama dan sebagainya juga telah menyebabkan mereka tidak menerima hukum targhib dan tarhib Allah s.w.t. dan bertindak sebagai 'musuh dalam selimut' kepada umat Islam. Allah berfirman:<sup>45</sup>

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ أَهْنَا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْاَكْرَبِ  
وَمَا هُنَّ بِمُؤْمِنِينَ بِخَادِعِنَ اللَّهِ وَالَّذِينَ أَهْنَاهُ  
وَمَا يَخْدِعُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

Ertinya:

"Dan di antara manusia ada yang berkata: 'Kami telah beriman kepada Allah dan Hari Akhirat', padahal mereka tidak beriman. Mereka hendak memandangakan Allah beriman. Mereka hendak memandangakan orang-orang yang beriman padahal

<sup>45</sup> Surah Al-Baqarah, ayat 8 - 9.

meraka hanya merdeka yakni diri mereka sendiri sedang mereka berivedari diri mereka tisap

Bagi orang Islam pula,kurangnya kepekaan mereka terhadap persoalan targhib dan tarhib adalah disebabkan oleh lemahnya keimanan mereka terhadap Allah dan juga RasulNya.Fenomena ini tidaklah ganjil kerana iman boleh bertambah dan berkurang.<sup>46</sup>

Oleh itu setiap muslim mestilah senantiasa memperkuatkan keimanan mereka supaya ianya berada di tahap yang maksima dan berjaya memperolehi kejayaan demi kejayaan yang dijanjikan oleh Allah kepada orang-orang yang beriman.<sup>47</sup>

Di samping itu kurangnya kefahaman dan ilmu terhadap Al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. juga menyebabkan orang-orang Islam di era kini tidak mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap targhib dan tarhib.

---

<sup>46</sup> Abd.Hadi Awang,Ust.Mugaddimah Aqidah Muslimin,Gedung Gua,Kuala Lumpur,1985, m.s. 53.

<sup>47</sup> Abdullah Wuzaf dll,Kitabul Iman,cet.1,Muassasah Al-Risalah,Beirut,1982,m.s. 12.

Keadaan ini berbeza dengan zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang bukan sahaja dapat hidup di zaman penurunan Al-Quran tetapi juga mampu untuk memahami keseluruhan maksud Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. serta merealisasikannya hingga mereka digelar 'Generasi Al-Quran Yang Unik'.<sup>48</sup>

Ekoran dari kurangnya kefahaman dan ilmu terhadap Al-Quran dan hadis-hadis Nabi menyebabkan mereka tidak dapat mengerti maksud dan memenuhi tuntutan targhib dan tarhib ini dalam kehidupan.

Serentak dengan itu terdapat juga orang yang mempunyai ilmu yang banyak tetapi tidak mengamalkannya dan kalau adapun yang mengamalkannya, tidak ramai dari mereka yang istiqamah melaksanakannya.

Faktor kecintaan yang mendalam terhadap dunia dan benci kepada kematian<sup>49</sup> adalah juga merupakan 'sindrom' yang mengurangkan kepekaan umat Islam kini terhadap targhib

---

<sup>48</sup> Syed Qutub, Maalim Fi Al Tariq, terj. H. Salahuddin Ahmad, Petunjuk Sepanjang Jalan, cet. ke 4, Penerbitan Pena, Selangor, 1984, ms. s10.

<sup>49</sup> Fathi Yakan, Musykilat Al-Dakwah Wa Al-Daiyyah, terj. Ust. wan Salim Hj. M. Noor, Kemusykilan Dakwah Dan Para Daie, Orient Press, United Kingdom, ms. 68.

dan tarhib. Mereka seolah-olah tidak pernah mendengar firman Allah yang berbunyi:<sup>50</sup>

وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لَكُم مِنَ الْأُولَى

Ertinya:

"Dan sesungguhnya kesudahan keadaanmu (pada hari Akhirat) adalah lebih baik bagiimu daripada permulaannya (dunia)."

Allah berfirman lagi:<sup>51</sup>

وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ وَلَا يَقُولُ

Ertinya:

"Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal."

<sup>50</sup> Surah Al-Dhuha, ayat 4.

<sup>51</sup> Surah Al-A'la, ayat 17.